# PROGRAM LATIHAN AKADEMI AUDIT NEGARA TAHUN 2022






# PROGRAM PERAKAUNAN



DARI KIRI: PUAN NOOR RASYIDAH BINTI ENGAH, PUAN SURAYA BINTI ADNAN, ENCIK AMIR HIZAM BIN HAMZAH

DIREKTORI PEGAWAI DI PROGRAM PERAKAUNAN

1. KETUA PROGRAM PERAKAUNAN
   PUAN SURAYA BINTI ADNAN
   KETUA PENOLONG PENGARAH W48
   NO. TEL PEJABAT: 06-7822003
   e-mel: suraya.adnan@audit.gov.my

2. PUAN NOOR RASYIDAH BINTI ENGAH
   PENOLONG PENGARAH W41
   NO. TEL PEJABAT: 06-7822035
   e-mel: noorrasyidah@audit.gov.my

3. ENCIK AMIR HIZAM BIN HAMZAH
   PEN. JURUAUDIT W32
   NO. TEL PEJABAT: 06-7822032
   e-mel: amir.hamzah@audit.gov.my






## MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT ASAS

| | |
|---|---|
| KURSUS | **PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN AGENSI BERASASKAN ISSAI** |
| KOD KURSUS | **AC108F** |

**Sinopsis Kursus**

Secara umumnya kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta berkenaan dengan konsep dan perubahan dalam pengauditan penyata kewangan (agensi) asas akruan berpandukan kepada ISSAI. Perbincangan kursus dilakukan mengikut keperluan ISSAI meliputi Prosedur Penilaian Risiko; Materialiti Dan Persampelan; Memorandum Perancangan Audit (MPA); Lembaran Imbangan; Penyata Pendapatan & Penyata Perubahan Ekuiti; Penyata Aliran Tunai; Penilaian Kawalan Dalaman Sistem Kewangan Berkomputer; Tanggungjawab juruaudit berkaitan dengan fraud; Pengurusan Firma Audit Swasta; dan Jenis Sijil Audit.

**Kurikulum Kursus**

- Pengenalan Garis Panduan Penyata Kewangan Agensi Asas Akruan Berdasarkan ISSAI
- Prosedur Penilaian Risiko
- Materialiti Dan Persampelan
- Memorandum Perancangan Audit (MPA)
- Lembaran Imbangan
- Penyata Pendapatan & Penyata Perubahan Ekuiti
- Penyata Aliran Tunai
- Penilaian Kawalan Dalaman Sistem Kewangan Berkomputer
- Tanggungjawab Juruaudit Berkaitan Fraud Dalam Pengauditan Penyata Kewangan
- Pengurusan Pengauditan Firma Audit Swasta (FAS)
- Jenis Persijilan Ketua Audit Negara

**Manfaat Kursus**

- Membantu mengukuhkan kefahaman peserta mengenai asas-asas penting dalam pengauditan penyata kewangan agensi.
- Membolehkan peserta mengaplikasikan pengetahuan dalam pengauditan dan memberikan cadangan penambahbaikan kepada auditi.
- Membantu meningkatkan kualiti kerja pengauditan agar selaras dengan keperluan standard ISSAI.

| | |
|---|---|
| | • Meningkatkan keyakinan diri peserta untuk melaksanakan pengauditan penyata kewangan agensi.<br>• Perkongsian ilmu dan pengalaman akan mendedahkan dan membolehkan peserta mempelajari isu dan kaedah penyelesaian dari pelbagai perspektif. |
| Sasaran | Pegawai Gred W29 ke atas |
| Kaedah Penyampaian | • Secara dalam talian<br>• Perbincangan dan Perkongsian Pengalaman |
| Kaedah Penilaian | Penilaian selepas kursus |



# PROGRAM PERAKAUNAN

## MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT ASAS

| | |
|---|---|
| KURSUS | **MPSAS : *FIRST TIME TRANSITION, PRESENTATION OF FINANCIAL STATEMENT, NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENT RELATED* (MPSAS 1, 2, 24, 3, 14, 20, 22, 22 & 23)** |
| KOD KURSUS | **AC105F** |

**Sinopsis Kursus**

Penyata kewangan diwujudkan bertujuan untuk memenuhi keperluan golongan sasar atau pihak berkepentingan bagi digunakan untuk melaporkan kedudukan sesuatu kewangan pada sesuatu tempoh jangka tertentu. Penggunaannya meliputi pelbagai golongan sasar seperti pembayar cukai, ahli-ahli badan perundangan, pemiutang, pembekal, media, pekerja termasuk juruaudit dan lain-lain.

Persembahan penyata kewangan berdasarkan MPSAS pula merupakan elemen yang amat penting dan sebagai gambaran menyeluruh terhadap laporan kedudukan kewangan sesuatu perakaunan sektor awam.

Objektif kursus ini adalah bagi meningkatkan daya kefahaman tentang persembahan penyata kewangan, nota kepada penyata kewangan yang melibatkan standard MPSAS dan transaksi pertama yang menggunakan standard MPSAS. Kursus ini akan menggunakan metodologi komunikasi dua hala antara penceramah dan peserta secara efektif ataupun secara dalam talian.

**Kurikulum Kursus**

Presentation of Financial Statement

- Pemahaman kepada *MPSAS 1 (presentation on financial statement)*;
- Pemahaman kepada *MPSAS 2 (cash flow statement);*
- Pemahaman kepada *MPSAS 24 (presentation of budget information in Financial Statements).*

Notes to the Financial Statement

- Pemahaman kepada *MPSAS 3 (accounting policies changes in accounting estimate and errors);*
- Pemahaman kepada *MPSAS 14 (events after the reporting date)*;
- Pemahaman kepada *MPSAS 20 (related party disclosure);*

| | |
|---|---|
| | • Pemahaman kepada *MPSAS 22 (disclosure of financial statement).*<br>First time Transition<br>• Pemahaman kepada *MPSAS 33 (first time adoption of accrual basic MPSAS).* |
| Manfaat Kursus | • Meningkatkan kefahaman peserta mengenai Piawaian Perakaunan Sektor Awam yang berkaitan dengan persembahan Penyata Kewangan, Nota kepada Penyata Kewangan dan juga kepada transaksi pertama yang menggunakan MPSAS.<br>• Membolehkan peserta mengaplikasikan pengetahuan dalam pengauditan. |
| Sasaran | Pegawai gred W29 ke atas. |
| Kaedah Penyampaian | • Kuliah / secara dalam talian<br>• Perbincangan dan Perkongsian Pengalaman |
| Kaedah Penilaian | Penilaian selepas kursus |



# PROGRAM PERAKAUNAN

**MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT ASAS**

| | |
|---|---|
| KURSUS | **PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN/KERAJAAN NEGERI** |
| KOD KURSUS | **AC106F** |

Sinopsis Kursus

Kursus ini secara umum bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan yang digubal untuk membantu Kementerian/Jabatan Persekutuan dalam penggunaan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia - Malaysia Public Sector Accounting Standards (MPSAS) selaras dengan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan.

Polisi ini menggariskan dasar perakaunan Kerajaan Malaysia yang perlu dipatuhi oleh semua Kementerian dan Jabatan Persekutuan. Dasar perakaunan ini dirangka untuk membantu pengguna mengguna pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). MPSAS ialah piawaian perakaunan asas akruan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) yang diterbitkan oleh IFAC. Satu-satunya perbezaan adalah apabila IPSAS bercanggah dengan undang-undang tempatan, maka dalam keadaan seperti itu, undang-undang tempatan adalah terpakai.

Dasar perakaunan ialah prinsip, asas, kelaziman, peraturan dan amalan khusus yang digunakan oleh entiti dalam menyedia dan membentangkan penyata kewangan.

Kurikulum Kursus

- Pendedahan Umum
- Aset
- Liabiliti
- Hasil
- Belanja
- Kumpulan Wang Disatukan

Manfaat Kursus

- Membantu mengukuhkan kefahaman peserta mengenai asas-asas penting mengenai Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan / Kerajaan Negeri.
- Membolehkan peserta mengaplikasikan pengetahuan perakaunan akruan dalam pengauditan penyata

| | |
|---|---|
| | kewangan kerajaan persekutuan / kerajaan negeri dan memberikan cadangan penambahbaikan kepada auditi.<br>• Membantu meningkatkan kualiti kerja pengauditan agar penemuan audit berasaskan polisi perakaunan akruan kerajaan persekutuan / kerajaan negeri. |
| Sasaran | Pegawai gred W29 ke atas |
| Kaedah Penyampaian | • Secara dalam talian<br>• Perbincangan<br>• Latihan |
| Kaedah Penilaian | • Penilaian dalam kelas<br>• Penilaian selepas kursus |



# PROGRAM PERAKAUNAN

**MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT ASAS**

| | |
|---|---|
| KURSUS | **TEKNIK PENGAUDITAN DAN PELAPORAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAAN** |
| KOD KURSUS | **AC107F** |

**Sinopsis Kursus**

Secara umumnya kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta berkenaan dengan konsep dan perubahan dalam pengauditan dan pelaporan penyata kewangan kerajaan.

Perbincangan kursus meliputi Prosedur Penilaian Risiko, Materialiti Dan Persampelan, Memorandum Perancangan Audit (MPA), Lembaran Imbangan, Penilaian Kawalan Dalaman Sistem Kewangan Berkomputer, tanggungjawab juruaudit berkaitan dengan fraud, penetapan pendapat audit dan pembentangan iGFMAS & iSPEC. Perbincangan ini akan dikhususkan kepada penyata kewangan kerajaan.

Objektif kursus ini adalah untuk mendedahkan peserta kursus mengenai pengauditan dan pelaporan penyata kewangan kerajaan persekutuan dan penyata kewangan kerajaan negeri. Selain itu, memperkenalkan perkembangan terkini dalam pengauditan dan pelaporan penyata kewangan kerajaan. Kursus ini dilaksanakan secara bengkel.

**Kurikulum Kursus**

- Prosedur Penilaian Risiko
- Materialiti Dan Persampelan
- Memorandum Perancangan Audit (MPA)
- Penilaian Kawalan Dalaman Sistem Kewangan Berkomputer
- Tanggungjawab Juruaudit Berkaitan Fraud Dalam Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan.
- Jenis Persijilan Ketua Audit Negara
- Pembentangan iGFMAS & iSPEC

**Manfaat Kursus**

- Membantu peserta memahami mengenai asas-asas penting dalam pengauditan dan pelaporan penyata kewangan kerajaan.
- Membantu meningkatkan kualiti kerja pengauditan agar selaras dengan keperluan ISSAI.

| | |
|---|---|
| Sasaran | Pegawai gred W29 ke atas |
| Kaedah Penyampaian | • Bengkel<br>• Latih amal/ kajian kes<br>• Perbincangan dan Perkongsian Pengalaman |
| Kaedah Penilaian | Penilaian selepas kursus |

# PROGRAM PERAKAUNAN

**MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT PERTENGAHAN**

| | |
|---|---|
| KURSUS | **IPSAS/MPSAS ASAS TUNAI UNTUK PBT SABAH** |
| KOD KURSUS | **AC109F** |

Sinopsis Kursus

Dasar perakaunan Kerajaan Malaysia dirangka untuk membantu pengguna mengguna pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). MPSAS ialah piawaian perakaunan asas akruan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) yang diterbitkan oleh IFAC. Sesuatu isu akan berlaku apabila IPSAS bercanggah dengan undang-undang tempatan, maka dalam keadaan seperti itu, undang-undang tempatan adalah terpakai.

Oleh itu, secara umumnya kursus ini bertujuan untuk meningkatkan daya kefahaman tentang perubahan perakaunan tunai kepada perakaunan akruan yang melibatkan MPSAS serta memberi pendedahan yang menyeluruh berkaitan transaksi peralihan melibatkan *opening balance transaction, initial recognition, subsequent recognition, measurement, disclosure, presentation & notes to the account* penyata kewangan.

Perbincangan kursus meliputi proses perubahan standard perakaunan dari asas tunai kepada akruan, serta menyentuh secara dasar elemen percanggahan piawaian dalam meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran peserta untuk melaksanakan pengauditan prestasi dan penyata kewangan tahunan.

Kurikulum Kursus

- Pengenalan kepada MPSAS.
- Struktur MPSAS.
- Perbezaan antara IPSAS dan MPSAS.
- Status pelaksanaan MPSAS di PBT Sabah.
- Pelaporan Penyata Kewangan Tahunan Kerajaan.

Manfaat Kursus

- Membantu mengukuhkan kefahaman peserta mengenai asas-asas penting mengenai Polisi Perakaunan Akruan

| | |
|---|---|
| | • Membolehkan peserta mengaplikasikan pengetahuan perakaunan akruan dalam pengauditan penyata kewangan kerajaan dan memberikan cadangan penambahbaikan kepada auditi.<br>• Membantu meningkatkan kualiti kerja pengauditan agar penemuan audit berasaskan polisi perakaunan akruan kerajaan |
| Sasaran | Pegawai gred W29 ke atas. |
| Kaedah Penyampaian | • Kuliah<br>• Latih amal/ kajian kes<br>• Perbincangan berkumpulan dan Perkongsian Pengalaman |
| Kaedah Penilaian | Pembentangan kajian kes |



# PROGRAM PERAKAUNAN

**MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT PERTENGAHAN**

| | |
|---|---|
| KURSUS | **PENGAUDITAN PEMATUHAN** |
| KOD KURSUS | **AC233FKCA** |

| | |
|---|---|
| Sinopsis Kursus | Secara umumnya kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta berkenaan teknik dan pelaporan bagi pengauditan pematuhan.<br><br>Perbincangan kursus meliputi asas kepada pengauditan pematuhan, pembentangan tajuk pengauditan pematuhan, teknik dan kaedah pengauditan pematuhan dan pelaporan pematuhan<br><br>Objektif kursus ini adalah untuk mendedahkan peserta kursus mengenai teknik dan pelaporan bagi pengauditan pematuhan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Pematuhan. Selain itu, memperkenalkan perkembangan terkini dalam pengauditan pematuhan. Kursus ini dilaksanakan secara kuliah. |
| Kurikulum Kursus | • Asas Pengauditan Pematuhan<br>• Pembentangan Tajuk Pengauditan Pematuhan<br>• Teknik dan Kaedah Pengauditan Pematuhan<br>• Pelaporan Pematuhan |
| Manfaat Kursus | • Memberi pendedahan kepada peserta berkenaan format pelaporan bagi pengauditan pematuhan.<br>• Memberi pendedahan kepada peserta tentang kaedah terkini kepada pengauditan pematuhan. |
| Sasaran | Pegawai gred W44. |
| Kaedah Penyampaian | • Kuliah<br>• Latih amal/ kajian kes<br>• Perbincangan berkumpulan dan perkongsian pengalaman |
| Kaedah Penilaian | Penilaian selepas kursus |



# PROGRAM PERAKAUNAN

## MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT PERTENGAHAN

| | |
|---|---|
| KURSUS | **TEKNIK PENGAUDITAN BERASASKAN SHARIAH** |
| KOD KURSUS | **AC237F** |

### Sinopsis Kursus

Secara umumnya kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta berkenaan dengan pelaporan Penyata Kewangan mengikut Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW).

Jabatan Akauntan Negara Malaysia berperanan menerajui pembangunan dan pelaksanaan PPIBZW yang berasaskan shariah sebagai panduan kepada institusi yang mentadbir baitulmal, zakat dan wakaf atau sumber lain yang seumpamanya di Malaysia selaras dengan keperluan penjagaan harta (hifzul mal) dalam kerangka maqasid syariah.

Objektif kursus ini adalah untuk mendedahkan peserta kursus mengenai pelaporan Penyata Kewangan mengikut PPIBZW. Selain itu, memberi pemahaman dari aspek bagaimana penyata kewangan tujuan umum seharusnya dibentangkan untuk memastikan kebolehbandingan dengan penyata kewangan entiti.

### Kurikulum Kursus

- Pengenalan Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW)
- Pemakaian Awal PPIBZW
- Institusi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf
- Konsep Dan Prinsip Yang Mendasari Pelaporan
- Pembentangan Penyata Kewangan
- Penyata Kedudukan Kewangan
- Penyata Prestasi Kewangan
- Penyata Kutipan Dan Agihan Zakat
- Penyata Perubahan Dana Amanah
- Penyata Aliran Tunai
- Nota Kepada Akaun

### Manfaat Kursus

- Memahami pelaporan Penyata Kewangan mengikut Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW).
- Membantu meningkatkan kualiti kerja pengauditan agar selaras dengan keperluan piawaian masa kini.

| | |
|---|---|
| Sasaran | Pegawai gred W44 ke atas |
| Kaedah Penyampaian | • Bengkel<br>• Perbincangan kumpulan |
| Kaedah Penilaian | Penilaian dalam kursus |




**MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT PERTENGAHAN**

| | |
|---|---|
| KURSUS | **PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN BERDASARKAN MPSAS** |
| KOD KURSUS | **AC234FKCA** |

**Sinopsis Kursus**

Penyata kewangan diwujudkan bertujuan untuk memenuhi keperluan golongan sasar atau pihak berkepentingan bagi digunakan untuk melaporkan kedudukan sesuatu kewangan pada sesuatu tempoh jangka tertentu. Penggunaannya meliputi pelbagai golongan sasar seperti pembayar cukai, ahli-ahli badan perundangan, pemiutang, pembekal, media, pekerja termasuk juruaudit dan lain-lain.

Aset bukan kewangan berdasarkan MPSAS pula merupakan elemen yang amat penting di dalam laporan kedudukan kewangan sesuatu perakaunan sektor awam.

Objektif kursus ini adalah bagi meningkatkan daya kefahaman tentang aset bukan kewangan yang melibatkan penggunaan standard MPSAS. Kursus ini akan menggunakan metodologi komunikasi dua hala antara penceramah dan peserta secara efektif ataupun secara dalam talian.

**Kurikulum Kursus**

Aset Bukan Kewangan

- Pemahaman kepada *MPSAS 17 (Property, plant and equipment)*;
- Pemahaman kepada *MPSAS 31 (intangible asset;)*
- Pemahaman kepada *MPSAS 11 (construction contract);*
- Pemahaman kepada *MPSAS 12 (inventory);*
- Pemahaman kepada *MPSAS 16 (investment property)*;
- Pemahaman kepada *MPSAS 27 (agriculture);*
- Pemahaman kepada *MPSAS 13 (leases);*
- Pemahaman kepada *MPSAS 32 (Service Concession Arrangements);*
- Pemahaman kepada *MPSAS 21 (Impairment of Non-Cash-Generating Assets);*
- Pemahaman kepada *MPSAS 25 (employee benefit)*

**Manfaat Kursus**

- Meningkatkan kefahaman peserta mengenai Piawaian Perakaunan Sektor Awam yang berkaitan dengan persembahan aset bukan kewangan.

| | |
|---|---|
| | • Membolehkan peserta mengaplikasikan pengetahuan dalam pengauditan.<br>• Membantu meningkatkan kualiti kerja pengauditan agar dapat menghasilkan penemuan audit yang tepat dan tidak dipertikaikan. |
| Sasaran | Pegawai gred W44 ke atas |
| Kaedah Penyampaian | • Kuliah atau secara dalam talian<br>• Perbincangan |
| Kaedah Penilaian | Penilaian selepas kursus |



# PROGRAM PERAKAUNAN

## MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT PERTENGAHAN

| | |
|---|---|
| KURSUS | **PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN BERDASARKAN MFRS** |
| KOD KURSUS | **AC235FKCA** |

| | |
|---|---|
| Sinopsis Kursus | Persembahan penyata kewangan merupakan elemen yang penting bagi mengambarkan sesuatu kedudukan kewangan bagi syarikat kerajaan atau swasta. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada peserta untuk memahami persembahan penyata kewangan yang melibatkan standard MFRS secara keseluruhan selain dapat mempelajari standard berkaitan perubahan dalam polisi perakaunan, pelaporan penyata kewangan interim, pelaporan selepas penutupan akaun, penyata aliran tunai dan gabungan penyata kewangan. Ia turut mengambil kira kesan pandemik yang terkini.<br><br>Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta untuk memahami dan mengemaskini piawaian MFRS yang digunapakai syarikat berkaitan kerajaan (Government Link Company) dan agensi berkaitan termasuk PBT. Kursus ini dilihat sebagai langkah persediaan awal para peserta mengenalpasti perubahan standard berkaitan meliputi *recognition, measurement, disclosure, presentation dan notes to the account* sebelum membuat pengauditan<br><br>Metodologi pembelajaran melalui sistem kelas, komunikasi dua hala antara penceramah dan peserta. |
| Kurikulum Kursus | • Pemahaman kepada MFRS 1 *first time adoption of Malaysian reporting standard;*<br>• Pemahaman kepada MFRS 101 *presentation on financial statement;*<br>• Pemahaman kepada MFRS 108 *changes in accounting policies, estimates and errors;*<br>• Pemahaman kepada MFRS 127 *separate financial statement*;<br>• Pemahaman kepada MFRS 134 *interim financial reporting;*<br>• Pemahaman kepada MFRS 110 *event after the reporting period;* |

| | |
|---|---|
| | • Pemahaman kepada MFRS 107 *statement of cash flow*; dan<br>• Pemahaman kepada MFRS 10 *consolidated financial statement.* |
| Manfaat Kursus | • Meningkatkan daya kefahaman berkenaan standard perakaunan MFRS kepada para peserta.<br>• Meningkatkan keyakinan dan kemahiran peserta ketika menjalankan pengauditan penyata kewangan.<br>• Sebagai persediaan kepada peserta bagi merangka kerja-kerja pengauditan yang melibatkan pengunaan standard. |
| Sasaran | Pegawai gred W48 ke atas |
| Kaedah Penyampaian | • Kuliah atau secara dalam talian<br>• Perbincangan |
| Kaedah Penilaian | Penilaian selepas Kursus |



# PROGRAM PERAKAUNAN

**MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT LANJUTAN**

| | |
|---|---|
| KURSUS | **PENGAUDITAN FORENSIK PENYATA KEWANGAN** |
| KOD KURSUS | **AC311EKCA** |

| | |
|---|---|
| Sinopsis Kursus | Kursus ini dibentuk bagi memberi pengetahuan asas kepada peserta berkenaan dengan Perakaunan Forensik yang menggunakan teknik penyiasatan untuk meneliti maklumat yang terdapat di dalam penyata kewangan dan rekod urus niaga untuk mendapatkan bukti.<br><br>Peserta akan didedahkan dengan jenis-jenis penipuan serta kesilapan sering terjadi dalam penyediaan Penyata Kewangan. Peserta juga akan diajar mengenai jenis-jenis risiko dan kesan apabila berlaku penipuan dan kesilapan terhadap Penyata Kewangan. |
| Kurikulum Kursus | • *Introduction of fraud*<br>• *Fraud triangle and profile of a fraudster*<br>• *Fraud risks*<br>• *Definition of financial statements fraud*<br>• *Fraudulent financial statements*<br>• *Procurement and payment fraud*<br>• *Conflicts of interest*<br>• *Other types of fraud* |
| Manfaat Kursus | Memberi pendedahan kepada peserta kursus berkaitan Perakaunan Forensik yang menggunakan teknik penyiasatan untuk meneliti maklumat yang terdapat di dalam penyata kewangan dan rekod urus niaga untuk mendapatkan bukti. |
| Sasaran | Pegawai gred W48 ke atas |
| Kaedah Penyampaian | • Kuliah<br>• Latihan Amal |
| Kaedah Penilaian | Penilaian dalam kelas |



# PROGRAM PERAKAUNAN

**MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT LANJUTAN**

| | |
|---|---|
| KURSUS | **INSTRUMENT KEWANGAN ISLAM** |
| KOD KURSUS | **AC310E** |

**Sinopsis Kursus**

Secara umumnya kursus ini bertujuan untuk memberi penjelasan tentang bentuk dan jenis instrumen kewangan yang ada di pasaran seperti sukuk. Melalui kursus ini juga, peserta akan diajar mengenai prinsip semasa menilai sukuk serta dokumen perundangan yang terlibat.

Kursus ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai *capital* dan menekankan berkenaan kewangan dari perseptif syariah. Peserta juga akan diajar mengenai jenis dan bentuk sukuk serta perundangan sukuk yang diterima pakai oleh badan profesional antarabangsa.

**Kurikulum Kursus**

- *Overview of Capital Markets and the Financial Sector*
- *Shariah Aspects of Sukuk*
- *Hybrid Sukuk*
- *Overview of Sukuk Types and Structures*
- *Sukuk Regulatory Framework and Relevant Internationally Recoqnized Body*
- *Sukuk Pricing*
- *Legal Documentation of Sukuk Contract Documentation*
- *Sukuk Issuance Process*
- *Formulation/Preparation*
- *Underwriting/ Syndication/Public Auction*

**Manfaat Kursus**

- Membantu mengukuhkan kefahaman peserta mengenai aspek struktur dan jenis-jenis sukuk yang ada di pasaran pada masa ini
- Meningkatkan pengetahuan peserta mengenai principal semasa menilai sukuk
- Mendedahkan kepada peserta mengenai dokumen-dokumen perundangan yang terlibat

**Sasaran**

Pegawai gred W41 ke atas

| | |
|---|---|
| Kaedah Penyampaian | • Kuliah<br>• Latih amal/ kajian kes<br>• Perbincangan dan Perkongsian Pengalaman |
| Kaedah Penilaian | Penilaian selepas kursus |




**MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT PERTENGAHAN**

| | |
|---|---|
| KURSUS | **APLIKASI TEKNIK PENILAIAN INSTRUMEN KEWANGAN DALAM PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN** |
| KOD KURSUS | **AC225F** |

| | |
|---|---|
| Sinopsis Kursus | Kursus ini akan memperkenalkan peserta kepada aplikasi teknik penilaian instrumen kewangan dalam pengauditan penyata kewangan. Secara tidak langsung, peserta akan diberi pendedahan mengenai kaedah penilaian aset kewangan yang utama dan sering diguna pakai. Melalui kursus ini juga, peserta akan dilatih menggunakan kemahiran penilaian aset kewangan semasa membuat pengesahan penyata kewangan. |
| Kurikulum Kursus | • *IFRS 9 – Recognition and measurement*<br>• Pengenalan kepada instrumen kewangan<br>• Kaedah peniaian instrumen<br>• Kaedah penilaian mengikut klasifikasi / jenis aset kewangan<br>• Aplikasi teknik penilaian instrumen kewangan dalam pengauditan<br>• Latihan praktikal penilaian instrumen kewangan<br>• Kaedah kualitatif dalam penilaian instrumen kewangan |
| Manfaat Kursus | • Memberi pendedahan kepada peserta mengenai instrumen kewangan dalam pasaran.<br>• Memberi pendedahan kepada peserta mengenai kaedah penilaian aset kewangan yang utama dan sering diguna pakai<br>• Melatih peserta untuk menggunakan kemahiran penilaian aset kewangan semasa membuat pengesahan penyata kewangan |
| Sasaran | Pegawai gred W41 ke atas |

| | |
|---|---|
| Kaedah Penyampaian | • Kuliah<br>• Latihan Amali<br>• Kajian Kes |
| Kaedah Penilaian | Penilaian selepas Kursus |




**MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT PERTENGAHAN**

| | |
|---|---|
| KURSUS | **KESAN DAN FAKTOR KUALITATIF DAN KUANTITATIF DALAM PENGAUDITAN BERASASKAN RISIKO** |
| KOD KURSUS | **AC230FKCA** |

**Sinopsis Kursus**

Di dalam kursus ini, peserta akan didedahkan dengan kesan dan faktor kualitatif dan kuantitatif dalam pengauditan dan bagaimana untuk mengenalpasti risiko serta membangunkan model risiko yang bersesuaian dengan pengauditan terutamanya pengauditan penyata kewangan. Peserta juga akan didedahkan dengan apakah risiko yang ada serta bagaimana untuk menguruskan risiko tersebut yang memberi kesan kepada pengauditan.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan berkenaan pendekatan pengauditan berdasarkan risiko, meningkatkan pengetahuan berkenaan teknik pengauditan berasaskan risiko dan membina keyakinan diri menggunakan teknik *risk-based* dalam menjalankan pengauditan.

**Kurikulum Kursus**

- *The audit risk model*
- *Planning a financial statement audit – ISSAI 1300*
- *Overall and performance materiality – ISSAI 1320*
- *Understanding the entity and its environment – ISSAI 1315*
- *Assessing the risk of material misstatement – ISSAI 1315*
- *Determining risk levels/Profiles for a financial statement audit*
- *The nature, timing and extents of audit procedures – ISSAI 1330*
- *Auditor’s response to assess risk – ISSAI 1330*
- *The Auditor’s responsibility to detect fraud – ISSAI 1240*
- *Inherent limitation of an audit in the context of fraud*
- *Circumstances that indicate the possibility of fraud*
- *Audit procedures to address the assessed risk of material misstatement due to fraud – ISSAI 1450*
- *Factors and effect of risk based on qualitative and quantitative in auditing.*

| | |
|---|---|
| Manfaat Kursus | • Memahami asas-asas penting dalam pengauditan berasaskan risiko bagi diaplikasikan dalam pengauditan.<br>• Membantu meningkatkan kualiti kerja pengauditan agar selaras dengan keperluan standard ISSAI. |
| Sasaran | Pegawai gred W41 ke atas |
| Kaedah Penyampaian | • Kuliah<br>• Latih Amal / Kajian Kes<br>• Perbincangan Kumpulan |
| Kaedah Penilaian | Penilaian selepas kursus |




**MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT ASAS**

| | |
|---|---|
| KURSUS | **ISU, CABARAN DAN PENYELESAIAN PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN** |
| KOD KURSUS | **AC312EKCA** |

| | |
|---|---|
| Sinopsis Kursus | Kursus ini akan diadakan secara bengkel. Setiap peserta akan diberikan dengan kajian kes yang perlu diselesaikan berdasarkan *SWOT Analysis.* |
| Kurikulum Kursus | • Mengenal pasti kekuatan pengauditan penyata kewangan.<br>• Mengenal pasti kelemahan pengauditan penyata kewangan.<br>• Mengenal pasti faktor luaran yang mempengaruhi pengauditan penyata kewangan.<br>• Mengenal pasti cabaran pengauditan penyata kewangan<br>• Mengenalpasti penyelesaian terhadap isu |
| Manfaat Kursus | Memberi pendedahan dan membolehkan peserta mempelajari isu dan kaedah penyelesaian dari pelbagai perspektif. |
| Sasaran | Pegawai gred W52 |
| Kaedah Penyampaian | • Bengkel<br>• Latih amal / Kajian Kes |
| Kaedah Penilaian | Persembahan Kajian Kes |



# PROGRAM PERAKAUNAN

**MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT LANJUTAN**

| | |
|---|---|
| KURSUS | **PERTIMBANGAN JURUAUDIT BERDASARKAN ISSAI** |
| KOD KURSUS | **AC309EKCA** |

**Sinopsis Kursus**

Secara umumnya kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta berkenaan pertimbangan penting yang perlu diambil disebabkan perubahan dalam pengauditan penyata kewangan (agensi) asas akruan berpandukan kepada ISSAI lebih-lebih lagi timbulnya perkara yang tidak diduga semasa proses pengauditan yang mungkin akan berlaku seperti isu wabak Covid-19, bencana alam dan sebagainya. Sehubungan itu, perbincangan kursus dilakukan mengikut keperluan ISSAI meliputi Prosedur Penilaian Risiko; Materialiti Dan Persampelan; Memorandum Perancangan Audit (MPA); Lembaran Imbangan; Penyata Pendapatan & Penyata Perubahan Ekuiti; Penyata Aliran Tunai; Penilaian Kawalan Dalaman Sistem Kewangan Berkomputer; Tanggungjawab juruaudit berkaitan dengan fraud; Pengurusan Firma Audit Swasta; dan Jenis Sijil Audit.

**Kurikulum Kursus**

- Pengenalan Garis Panduan Penyata Kewangan Agensi Asas Akruan Berdasarkan ISSAI.
- Pertimbangan Juruaudit dalam:
  - Prosedur Penilaian Risiko
  - Materialiti Dan Persampelan
  - Memorandum Perancangan Audit (MPA)
  - Lembaran Imbangan
  - Penyata Pendapatan & Penyata Perubahan Ekuiti
  - Penyata Aliran Tunai
  - Penilaian Kawalan Dalaman Sistem Kewangan Berkomputer
  - Tanggungjawab Juruaudit Berkaitan Fraud Dalam Pengauditan Penyata Kewangan
  - Pengurusan Pengauditan Firma Audit Swasta (FAS)
  - Jenis Persijilan Ketua Audit Negara

**Manfaat Kursus**

- Membantu mengukuhkan kefahaman peserta mengenai asas-asas penting dalam pengauditan penyata kewangan agensi,

| | |
|---|---|
| | • Membolehkan peserta mengaplikasikan pengetahuan dalam pengauditan dan memberikan cadangan penambahbaikan kepada auditi; dan<br>• Membantu meningkatkan kualiti kerja pengauditan agar selaras dengan keperluan standard ISSAI. |
| Sasaran | Pegawai gred W52 ke atas |
| Kaedah Penyampaian | • Kuliah<br>• Latih Amal / Kajian Kes<br>• Perbincangan Kumpulan |
| Kaedah Penilaian | Penilaian selepas kursus |